

## Sasar 20 peratus bahan binaan guna teknologi kenaf

**Permaisuri:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KRT) akan membina 20 peratus bahan binaan menggunakan teknologi berbasaskan kenaf pada masa hadapan.

Menternya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Anjar Razali, berkata teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) Tasblock berasaskan kenaf masih baharu dan mampu menghasilkan pro-

duk berkualiti serta menjimatkan kos.

Katanya kerjasama antara Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan syarikat Tasblock (M) Sdn Bhd mencipta sejarah apabila berjaya membina sebuah bangunan pelabot dengan keluasan 63,03 meter persegi (700 kaki persegi) menggunakan 600 kilogram getah kenaf.

"Kos pembinaan bangunan yang dilengkapi ruangan pejabat,

bilik mesyuarat, stor dan tandas itu dianggarkan RM81,000.

"LKTN sudah mengadakan perbincangan dengan pelbagai jabatan berkaitan pembinaan seperti Kementerian Kerja Raya serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menggunakan teknologi kenaf dalam bahan pembinaan katalunya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Tapak Pembinaan

pejabat IBS Tasblock di Pusat Pemrosesan dan Pengeluaran Produk Kenaf di Kampung Sautama, Setiu di sini semalam.

Khairuddin berkata, pergunaan kenaf dalam sistem IBS Tasblock mampu merencangkan pembangunan industri pembinaan berbasaskan kenaf.

"Teknologi baharu ini menggunakan teknologi hijau, mestilah juga mampu menjimatkan kos pembinaan, tenaga kerja, lo-

gistik dan masa.

"Tempoh menyiapkan pejabat dan ruang pameran hanya 30 hari berbanding tiga hingga empat bulan secara konvensional," katanya.

Beliau berkata, inovasi melalui kerjasama LKTN dan pihak swasta itu selaras dengan hasrat Kementerian meningkatkan kebolehpasaran produk serta menerima pasaran baharu bagi industri filiran berbasaskan kenaf.